

ABSTRAK

Askar kanak-kanak merupakan satu fenomena yang jarang didebatkan di Malaysia. Tetapi di banyak negara dunia ketiga ia merupakan satu perkara biasa. Yang dikatakan askar kanak-kanak adalah pejuang yang berumur lapan belas tahun ke bawah. Apa yang menakjubkan ialah seramai 300,000 kanak-kanak di sebanyak 60 buah negara melibatkan diri secara aktif di dalam konflik dan peperangan. Di Afrika sahaja terdapat lebih kurang 120,000. Jika dahulu kanak-kanak ditugaskan dalam sektor sokongan dan logistik seperti tukang masak, pengangkut barangan, penghantar mesej dan pengintip, kini oleh kerana teknologi pesat dalam bidang persenjataan, kanak-kanak ditugaskan di barisan hadapan bersama pejuang dewasa yang lain. Kanak-kanak perempuan tidak dikecualikan dalam mana-mana kancah peperangan. Mereka bukan saja kehendaki berjuang di medan pertempuran malah dijadikan hamba seks kepada pegawai atasan.

Tidak semua kanak-kanak ini menjadi askar secara sukarela. Ramai yang diculik dari sekolah dan ada yang dilarikan dari keluarga mereka. Mereka menyertai secara sulcarela pula berbuat demikian atas desakan persekitaraan di mana kemiskinan menjadi punca utamanya. Ada yang ingin membalas dendam terhadap kekejaman yang dilakukan ke atas keluarga mereka oleh pihak lawan. Pengalaman mereka sebagai askar meninggalkan kesan psikologi negatif yang kekal walaupun perang tamat. Masalah psikologi yang dihadapi oleh mereka yang terdedah kepada keganasan dan kekejaman amat serius. Kecenderungan kanak-kanak ini untuk menjadi penjenayah adalah tinggi selepas dibebaskan dari tugas aktif. Menjalani kehidupan baru selepas dibebaskan merupakan satu perkara sukar bagi setengah kanak-kanak kerana mereka pernah melakukan keganasan ke atas ahli masyarakatnya sendiri dan tidak mempunyai apa-apa kemahiran lain. Kesucian dan kemurnian hati kanak-kanak yang tidak tahu erti bahaya atau kematian menyebabkan mereka mudah didoktrinasikan oleh pasukan bersenjata dalam usaha merekrut mereka sebagai askar.

Tiga buah negara iaitu Sri Lanka, Sierra Leone dan Afghanistan menjadi kajian kes dalam tesis ini. Negara-negara ini dipilih berdasarkan bilangan kanak-kanak yang direkrut dan kekejaman yang dilaksanakan oleh pihak bersenjata ke atas kanak-kanak ini. Menyedari hakikat bahawa kanak-kanak merupakan masa hadapan semua manusia, beberapa badan bukan kerajaan seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Save The Children Alliance, Radda Barnen, Human Rights Watch, Amnesty International dan Coalition To Stop The Use Of Child Soldiers telah berusaha mengubal satu undang-undang antarabangsa bagi mengurangkan gejala askar kanak-kanak. Usaha mereka berjaya membentuk 'Optional Protocol' kepada 'Convention of the Rights of the Child' yang telah dimeteraikan pada 1990. Walaupun 'Convention of the Rights of the Child' secara terperinci melindungi hak asasi kanak-kanak berumur minima, usaha merekrut kanak-kanak di bawah 15 tahun berterusan. 'Optional Protocol' yang telah diterima secara sebulat suara dalam Persidangan PBB pada 20 May 2000 bertujuan meningkatkan umur minima ini kepada 18 tahun. Sekalipun, terdapat segala jenis perundangan antarabangsa bagi melindungi hak kanak-kanak, namun kanak-kanak terus digunakan sebagai askar di banyak negara miskin,